



**MINIT MESYUARAT
KESATUAN KAKITANGAN AM
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA (KURNIA)
SESI 2008-2010 / NO. 6**

Tarikh : 17hb Jun 2009 [Rabu]
Masa : 02.30 petang
Tempat : Pejabat KURNIA

HADIR

1. Muhammad Shahrir bin Muhd Shariff	Presiden
2. Mohd Yazid bin Ahmad	Naib Presiden
3. Saupi Azran Muhamad Tamjis	Setiausaha
4. Norasita binti Haji Zainal	Penolong setiausaha
5. Tuan Haji Mokhtar bin Ahmad	Bendahari
6. Khalid bin Muhammad	AJK
7. Abdul Malek bin Johari	AJK
8. Rahida binti Abdul Razak	AJK
9. Rafidah binti Chee Ros	AJK
10. Shahrul Zaman bin Abdul Rahman	AJK
11. Mohamad Zaini bin Mohamad	AJK
12. Yusni bin Yusop	AJK
13. Shamsul bin Paris	AJK
14. Azman bin Astri	AJK

TIDAK HADIR BERSEBAB

1.. Ezan Rohana binti Zamri	AJK
-----------------------------	-----

NO	AGENDA	TINDAKAN
1	<p><u>Ucapan Pengerusi</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Majlis dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah. - Saudara Presiden mengucapkan terima kasih di atas kehadiran AJK menghadiri mesyuarat - Saudara Presiden memulakan mesyuarat dengan sedikit taklimat antaranya: <ul style="list-style-type: none"> • Bengkel Pemantapan Pengurusan dan Kepimpinan pada 19-21 Jun 2009 bertempat di Langkawi. • Pertemuan dengan Menteri di Pengajian Tinggi pada 22 Jun 2009 • Mesyuarat Agung ke-13 KURNIA • CLA • Mesyuarat JCC ditangguhkan 	
2	<p>Meluluskan minit mesyuarat</p> <p>Tiada minit untuk disahkan.</p>	
3	<p>Perkara-perkara berbangkit</p> <p>3.1 <u>Bengkel Pemantapan Pengurusan dan Kepimpinan</u></p> <p>Penolong Setiausaha telah menerangkan bahawa pihak Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan (MSD) telah meluluskan empat (4) permohonan dari pihak KURNIA yang telah menghantar sebanyak enam (6) permohonan. Mereka yang telah diluluskan permohonannya ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Sdr. Saupi Azran Muhammad Tamjis (ii) Sdri. Norasita H. Zainal (iii) Tuan Haji Mokhtar Ahmad (iv) Sdr. Khaled Muhammad <p>Manakala bagi Sdri. Hjh. Rahida Abd. Razak, Presiden telah bersetuju bahawa kos pendaftaran dan hotel akan di tampung oleh KURNIA.</p> <p>3.2 <u>CLA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Pihak universiti telah mengambil konsep yang digunapakai oleh USM yang telah memperkenalkan MyCPD tetapi diolah sedikit bagi kesesuaian kakitangan di universiti ini. CPD adalah program yang dirancang untuk mempertingkatkan pengetahuan dan menambahbaik kecekapan profesional sepanjang kerjaya seseorang pegawai. Ia merupakan komitmen ahli-ahli persatuan profesional untuk mengekal dan mengembang serta mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran dan membangunkan kualiti peribadi yang diperlukan di dalam bidang profesional berkaitan. 	

(ii) Presiden menyarankan agar pihak KURNIA menghantar maklumbalas ke MSD menyatakan pada dasarnya pihak KURNIA bersetuju dengan format yang telah dikemukakan dan meminta jika ada penambahbaikan bagi kakitangan untuk menduduki CLA pihak KURNIA akan menghantarkan pendapat ke pihak MSD.

(iii) Pihak MSD juga menjelaskan pada tahun 2009 adalah tahun terakhir bagi kakitangan untuk menduduki peperiksaan. Bermula tahun 2010 setiap penilaian adalah mengikut format yang dipersetujui oleh pihak atasan iaitu 'Penilaian Kompetensi Berterusan' (*Continuous Competency Assessment*). Ianya adalah merangkumi beberapa aspek seperti berikut:

- Konsep

Aktiviti pembangunan profesional/kompetensi berterusan distrukturkan semula berasaskan kompetensi dan diberi penilaian

- Penilaian

Tahap penyertaan

Pengumpulan mata

Mata maksimum mengikut klasifikasi

Klasifikasi Aktiviti Berasaskan Kompetensi Gred/jawatan adalah seperti berikut:

Aktiviti Utama

- Latihan Dalam Perkhidmatan
- Pembangunan Ilmu & Kepakaran
- Aktiviti Profesional/ Bukan Profesional

Aktiviti-aktiviti Lain

- Kelayakan Akademik/Profesional Yang Bukan Syarat Kelayakan Masuk
- Penerbitan Hasil Karya (yang diiktiraf)
- Penempatan / *fellowship*
- Sangkutan ke agensi bukan kerajaan
- Pengiktirafan & Anugerah
- Pementoran/*Coaching*

(iv) Saudara Rashdan juga menyatakan bahawa penilaian adalah diperlukan bagi setiap kakitangan bagi menilai mutu perkhidmatan seseorang dalam memajukan diri di dalam bidang masing-masing.

3.3 Gabungan Juruteknik-Juruteknik Makmal (GAJUM)

- (i) Sdr. Tuan Haji Sukiman telah menerangkan bahawa beliau adalah wakil UIAM ke mesyuarat GAJUM.
- (ii) Wujudnya GAJUM adalah untuk memberi laluan kepada C17 untuk menjawat ke jawatan C27 dan bagi membezakan Juruteknik Makmal Sekolah dengan IPTA.
- (iii) Sdr Haji Sukiman memohon bantuan dan kerjasama dari pihak KURNIA adalah seperti berikut:
 - Memohon supaya pihak UIA mewujudkan 'bridging' program bagi juruteknik-juruteknik makmal bagi melayakkan mereka menjawat jawatan C27.
 - Mengumpulkan maklumat-maklumat serta modul dan silibus yang diperlukan untuk penambaan juruteknik-juruteknik makmal di UIA.
 - Inginkan supaya pihak KURNIA membawa perkara ini ke peringkat JCC.

3.4 Mesyuarat Agung Ke-13

- (i) Ahli mesyuarat dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung ini akan diadakan pada 29 Julai 2009 bertempat di Dewan Besar, UIAM.
- (ii) Agenda utama di dalam AGM13 kali ini adalah untuk mendapatkan undi daripada ahli-ahli untuk menempatkan KURNIA di bawah CEUPACS.
- (iii) Saudara Bendahari memaklumkan selepas mendapatkan pandangan daripada pihak JHEKS, bahawa KURNIA hanya perlu mendapatkan undi melalui dengan mengangkat tangan sahaja daripada ahli-ahli yang bersetuju untuk membolehkan bergabung bersama CEUPACS.
- (iv) Pada mesyuarat kali ini juga pihak KURNIA akan melantik wakil bagi setiap K/C/D, bagi memudahkan lagi menyampaikan maklumat-maklumat terkini.
- (v) Surat makluman Mesyuarat Agung ke-13 hendaklah dikeluarkan sebelum 29 Jun 2009.
- (vi) Surat pelepasan akan dihantar ke Pengarah Eksekutif, MSD bagi mendapatkan kelulusan bagi ahli-ahli KURNIA menghadiri AGM13 pada kali ini.

	<p>3.4 <u>Laporan Kewangan dan Keahlian</u></p> <p>(i) Saudara Bendahari memaklumkan baki kewangan setakat 17 Jun 2009 terkumpul sebanyak RM21,572.00.</p> <p>(ii) Keahli adalah seramai 834 orang ahli setakat hari ini.</p>	
4	<p><u>Lain-lain hal</u></p> <p>4.1 <u>Mesyuarat Bersama Menteri di Pengajian Tinggi</u></p> <p>Saudara Presiden memaklumkan bahawa mesyuarat tersebut akan di adakan di Parlimen memandangkan pada masa itu persidangan Parlimen sedang berlangsung. Mesyuarat tersebut akan diadakan pada Isnin/22 Jun 2009 jam 2.30 petang. Saudara Presiden, Saudara Mohd Yazid Ahmad dan Saudara Saupi Azran Muhammad Tamjis akan menghadiri mesyuarat tersebut.</p> <p>4.2 <u>Surat Ucapan Tahniah Kepada Presiden dan Rektor UIAM</u></p> <p>Saudara Setiausaha adalah dimaklumkan untuk menghantar surat ucapan tahniah kepada Ybgh. Tan Sri Mohd Sidek Hassan dan Ybgh. Prof. Dato' Sri Dr. Syed Arabi Idid di atas penyambungan kontrak beliau.</p> <p>4.3 <u>Perlantikan Saudara Mohd Rashdan Baba Sebagai Ketua Biro Ekonomi</u></p> <p>(i) Mesyuarat bersetuju untuk melantik Saudara Mohd Rashdan Baba bagi mengetuai Biro Ekonomi KURNIA hingga tamat sesi AJK Kerja KURNIA 2008-2010.</p> <p>(ii) Mesyuarat bersetuju dan memutuskan Setiausaha, Bendahari dan Ketua Biro Ekonomi menjadi penama kepada Akaun Semasa Bersama, Biro Ekonomi KURNIA. Sebarang cek pengeluaran hendaklah ditandatangani oleh 2 daripada 3 penama berkenaan.</p> <p>(iii) Beliau bercadang untuk mengeluarkan satu buku peraturan kecil sebagai panduan dan ianya akan dijadikan sebagai teras dalam sebarang penggunaan perolehan (kewangan) dan yang apa-apa bersabit dengannya. (perlu kepada pengesahan mesyuarat AJK)</p> <p>(iv) Beliau juga bercadang untuk menaikkan sewa gerai KURNIA sebanyak 50% daripada yang sedia ada bermula pada tahun 2010. (perlu kepada pengesahan mesyuarat AJK)</p> <p>4.4 <u>Pertandingan Memancing</u></p> <p>Saudara Zaini mencadangkan pihak KURNIA mengadakan pertandingan memancing terbuka kepada ahli-ahli KURNI. Tarikh yang dicadangkan oleh beliau ialah pada 4 Julai 2009.</p>	

	<p>4.5 <u>Program-program Untuk Ahli-Ahli KURNIA</u></p> <p>Saudara Syamsul mencadangkan agar pihak KURNIA dapat mengadakan program-program yang bermanfaat seperti aktiviti-aktiviti bersama keluarga, serta ceramah-ceramah yang berkaitan kerjaya samada mengenai disiplin di tempat kerjaya atau keselamatan dan lain-lain lagi.</p> <p>4.6 <u>Menjadi Pemerhati Di dalam Masalah Disiplin</u></p> <p>Saudara Mohd Yazid mencadangkan serta mengusulkan kepada JCC bahawa pihak KURNIA hendaklah dilantik untuk menjadi pemerhati pada setiap kes-kes disiplin yang diadakan di 'Moot court' UIAM terutama yang dilakukan oleh kumpulan sokongan.</p>	
5	<p><u>Ucapan penangguhan</u></p> <p>Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua AJK yang hadir dan berharap semuanya dapat menjalankan tugas masing-masing serta memberi kerjasama yang sebaiknya dalam menyempurnakan segala perancangan.</p>	
	<p style="text-align: center;">Disediakan oleh:</p> <p style="text-align: center;">.....</p> <p style="text-align: center;">Norasita Hj. Zainal Penolong Setiausaha</p> <p style="text-align: center;">Disahkan oleh:</p> <p style="text-align: center;">.....</p> <p style="text-align: center;">Muhammad Shahrir Muhammad Shariff Presiden</p>	